



FAIL LOG

LESEN PERKHEMAHAN

Nama: _____

Cawangan: _____

No. Keahlian: _____

Nama Perkhemahan: _____


Tempat: _____

Tarikh: _____

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Biodata	
2.	Syarat-syarat Ujian	
3.	Prasyarat	
4.	Laporan Sebelum	
5.	Laporan Semasa	
6.	Laporan Selepas	
7.	Lampiran	
8	Refleksi	
9	Komen penguji	

BIODATA



Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

No. Keahlian PPPM:

Tarikh dilantik:

Tarikh Waran Pemimpin:

No. Telefon Bimbit:

Pekerjaan:

Nama dan Alamat Majikan:

.....

No. Telefon Pejabat:

Alamat e-mel:

No. Telefon Rumah:

Alamat Kediaman:

.....

.....

Sekiranya berlaku kecemasan, pihak yang harus dihubungi:

Nama:

Hubungan:

No.Telefon

SYARAT-SYARAT UJIAN LESEN PERKHEMAHAN

SIJIL LESEN PERKHEMAHAN

Seseorang pemimpin berwaran boleh mengambil Ujian Lesen Perkhemahan.

1. KELAYAKAN

Syarat kelayakan merangkumi perkara yang berikut, iaitu:

- 1.1 telah meningkat umur 21 tahun;
- 1.2 mempunyai Sijil Jurubantu Mula *Perkhemahan/*Acara Pandu Puteri;
- 1.3 mempunyai Sijil Kuartermaster *Perkhemahan/*Acara Pandu Puteri;
- 1.4 telah menyertai perkhemahan Pandu Puteri sebagai Penolong Komandan Kem; dan
- 1.5 telah mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

*** Rujuk Laluan Jurulatih**

2. TEMPOH

Tempoh perkhemahan: Minimum empat hari tiga malam secara berterusan.

Peserta: Sekurang-kurangnya 24 orang (tidak termasuk staf perkhemahan).

3. UJIAN AMALI

Calon hendaklah menunjukkan pengetahuan amali dalam mengelolakan perkhemahan.

3.1 Tapak Perkhemahan

Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan semasa memilih tapak perkhemahan:

- 3.1.1 tempat yang sesuai berdekatan dengan bangunan kekal;
- 3.1.2 persekitaran yang sesuai dan selamat; dan
- 3.1.3 terdapat kemudahan asas.

3.2 Perancangan

Perkara-perkara yang berikut hendaklah disediakan, iaitu:

- 3.2.1 menyediakan kertas kerja perkhemahan;
- 3.2.2 menyediakan borang-borang yang diperlukan untuk perkhemahan;
- 3.2.3 menghantar surat kepada pihak-pihak yang berkenaan;
- 3.2.4 menghantar borang permohonan ke ibu pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh perkhemahan;
- 3.2.5 merancang program perkhemahan untuk cuaca baik dan cuaca buruk;

Semakan 14052024

- 3.2.6 menyediakan jadual tugas perkhemahan, peraturan perkhemahan dan lain-lain;
- 3.2.7 menyediakan anggaran perbelanjaan perkhemahan;
- 3.2.8 menyediakan senarai peralatan yang diperlukan;
- 3.2.9 mengurus pengangkutan;
- 3.2.10 mengambil insurans perkhemahan; dan
- 3.2.11 urusan-urusan lain yang berkaitan.

3.3 Kraf Kem

Calon hendaklah mengetahui cara melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- 3.3.1 mendirikan, menganginkan, menurunkan dan menyimpan khemah;
- 3.3.2 mengetahui cara menjaga dan membaiki khemah;
- 3.3.3 membuat perparitan di sekeliling khemah setelah mendapat kebenaran. Sekiranya tidak mendapat kebenaran, perlu mengetahui cara membuat perparitan secara teori;
- 3.3.4 membuat gajet yang diperlukan seperti tiang bendera, pintu gerbang, papan kenyataan, pagar, rak beg, rak kasut dan ampaian; dan
- 3.3.5 mengetahui dan boleh menggunakan kapak, gergaji, parang dan cangkul serta mengetahui cara menjaga peralatan tersebut.

3.4 Permainan Luas

Calon hendaklah berupaya mengelolakan permainan luas yang meliputi sekurang-kurangnya lima daripada aktiviti-aktiviti yang berikut:

- mengembara;
- membuat tanda mengesan;
- menyediakan perlindungan sementara;
- cara menggunakan kompas;
- cara masakan rimba;
- cara pemeliharaan alam semulajadi;
- melakukan bantu mula; dan
- membuat gajet.

3.5 Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan

Calon hendaklah:

- 3.5.1 bertanggungjawab atas keselamatan, kebersihan dan kesihatan dalam perkhemahan;
- 3.5.2 bertanggungjawab atas rondaan pada waktu malam;
- 3.5.3 mengetahui langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil untuk aktiviti air;
- 3.5.4 mengetahui cara-cara mencegah kebakaran;

3.5.5 mengetahui langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil dalam keadaan cuaca sejuk, cuaca panas dan cuaca lembab pada waktu siang dan malam;

3.6 Istiadat dan Upacara

Calon hendaklah:

3.6.1 mengelolakan upacara menaikkan dan menurunkan bendera;

3.6.2 memastikan aktiviti-aktiviti yang berikut dijalankan semasa upacara menaikkan bendera, iaitu:

a) bacaan doa; dan

b) kata-kata hikmat.

3.7 Malam Pandu Puteri/Unggun Api

Calon juga hendaklah mengendalikan satu Malam Pandu Puteri/Unggun Api.

3.8 Tugas Lain

Calon hendaklah:

3.8.1 mengawasi perjalanan keseluruhan perkhemahan dengan kerjasama staf perkhemahan yang lain;

3.8.2 mempengerusikan mesyuarat majlis jawatankuasa pasukan;

3.8.3 mempamerkan senarai nama ahli kumpulan, senarai tugas, program dan peraturan perkhemahan;

3.8.4 melakukan pemeriksaan pagi;

3.8.5 menyediakan akaun perkhemahan serta menjelaskan segala perbelanjaan;

3.8.6 membuat penilaian perkhemahan;

3.8.7 menyediakan buku/fail log perkhemahan;

3.8.8 memastikan tapak perkhemahan bersih pada akhir perkhemahan; dan

3.8.9 merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

4. SYARAT UNTUK MENDAPATKAN LESEN PERKHEMAHAN

Seorang calon hendaklah melaksanakan tugas-tugas yang berikut untuk mendapatkan Lesen Perkhemahan, iaitu:

4.1 mengelolakan perkhemahan dengan jayanya;

4.2 merancang aktiviti yang menarik dan beraneka; dan

4.3 mengamalkan pemeliharaan alam sekitar dalam aktiviti perkhemahan.

5. TEORI

Calon hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- 5.1 jika perlu, soalan akan dikemukakan oleh penguji kepada calon setelah selesai ujian amali;
- 5.2 perlu menghantar buku/fail log bersama-sama kertas jawapan jika berkaitan, serta segala laporan dan penyata kira-kira dalam tempoh lapan minggu; dan
- 5.3 sekiranya buku/fail log tidak dihantar dalam tempoh lapan minggu, calon perlu mengulangi ujian amalnya.

6. PENGUJI

Penguji bagi Sijil Lesen Perkhemahan ialah jurulatih bertauliah yang dilantik oleh Majlis Jurulatih Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

KESELAMATAN AIR

1. Pemimpin yang bertugas
 - 1.1 Pemimpin yang bertugas hendaklah mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya pingat gangsa (*Bronze Medallion*).
 - 1.2 Jika pemimpin yang bertugas tidak mempunyai kelayakan yang dinyatakan tersebut, dia bertanggungjawab mendapatkan seorang penyelamat (*lifeguard*) yang bertauliah.
2. Kelayakan

Penyelamat hendaklah memiliki pingat gangsa (*Bronze Medallion*) atau pengiktrafan tertinggi daripada Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (PPKM) / persatuan penyelamat lain yang diakui di Malaysia.
3. Pengawal

Seorang penyelamat bertauliah yang bertanggungjawab mestilah ditugaskan di pantai atau di dalam sebuah bot yang dilengkapi dengan alat penyelamat bertauliah dan alat pemberi isyarat yang boleh berfungsi dan digunakan jika perlu.
4. Bilangan

Seorang penyelamat bertanggungjawab terhadap kadar bilangan 12 orang.
5. Pekhemah hanya dibenarkan berenang atau berada di dalam air satu jam selepas makan.
6. Pekhemah tidak dibenarkan sama sekali berenang pada waktu malam.

PRASYARAT (Sila sertakan dokumen yang berkaitan)

BIL.	PERKARA	NYATAKAN YA/ TIDAK
1	Berwaran	
2	Telah meningkat umur 21 tahun	
3	Mempunyai Sijil Bantu Mula *Perkhemahan / *Acara Pandu Puteri	
4	Mempunyai Sijil Kuartermaster *Perkhemahan / *Acara Pandu Puteri	
5	Pernah bertugas sebagai Penolong Komandan Kem	
6	Telah mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan.	
7	Telah mendapat kebenaran daripada Ketua Pesuruhjaya untuk menjalankan perkhemahan	

* Potong mana yang tidak berkaitan

Panduan Menyediakan Fail Log

LAPORAN SEBELUM		
(i)	Kertas kerja yang mengandungi: Tajuk Tema (*) Tempat Rasional Objektif Bilangan sasaran(*) Struktur Organisasi Jadual cuaca baik (*) (Lampiran A) Jadual cuaca buruk(*) (Lampiran B) Menu (*) (Lampiran C) Senarai peralatan (*) (Lampiran D) Pengangkutan pekhemah (*) Insurans pekhemah Implikasi Kewangan(*) Implikasi Kepegawaian(*) Tandatangan calon Tarikh Ini hanya satu cadangan format kertas kerja sahaja	• Tema (pilihan - <i>Optional</i>) Sekiranya bertema, satu aktiviti berdasarkan kepada tema tersebut digalakkan • Bilangan sasaran - sekurang-kurangnya 24 pekhemah (staf perkhemahan tidak diambil kira) • Jadual - perkara / aktiviti wajib diutamakan dalam jadual • Menu - Perlu bincang dengan Kuartermaster. Menu seimbang dan cara masakan dipelbagaikan • Senarai Peralatan -sebutkan item dan kuantiti yang diperlukan. Boleh dibahagikan kepada peralatan am, peralatan dapur, peralatan JBM, bahan keperluan individu • Pengangkutan pekhemah - bagaimana pekhemah datang dan balik • Implikasi Kewangan - tunjukkan anggaran perbelanjaan (dibundarkan) - tunjukkan pendapatan - tunjukkan cara mengira yuran pendaftaran bagi setiap peserta • Implikasi Kepegawaian - Jika melibatkan penceramah / fasilitator/ jurulatih (kerana ini mungkin mempengaruhi perbelanjaan)
(ii)	Lawatan ke tapak perkhemahan	Laporan ringkas dan gambar berkapsyen
(iii)	Peraturan Perkhemahan	sesuai dengan tempat, keadaan dan pekhemah
(iv)	Jadual bertugas dan tugas kumpulan	Jenis tugas bergantung kepada perkhemahan. Nyatakan bidang tugas supaya pekhemah memahami tanggung jawab masing-masing. Bidang tugas dalam buku Jom Berkhemah boleh diubahsuakan.
(v)	Jadual Rondaan Malam	
(vi)	Laporan Latihan Praperkhemahan	Laporan dan gambar berkapsyen. Cadangan aktiviti yang boleh dijalankan semasa praperkhemahan

		• Cara menaikkan, mengibarkan dan menurunkan bendera; • Cara mengendalikan pembentukan Ladang Kuda / Formasi V dan istiadat pasukan bendera; • Merancang gejet yang akan dibina; • Mengajar kemahiran yang akan digunakan dalam permainan luas • Grace / doa kesyukuran • Lagu-lagu • Yang difikirkan perlu
LAPORAN SEMASA		
(i)	Jadual Perkhemahan terkini (tempoh ujian semasa)	Jadual aktiviti sebenar yang telah dijalankan untuk tempoh perkhemahan
(ii)	Pelan Tapak Perkhemahan (<i>camp layout</i>)	Pelan menunjukkan lokasi khemah-khemah, gejet dsb.
(iii)	Laporan Harian (Laporan yang sistematik berserta gambar berkapsyen) • Laporan hari pertama • Laporan hari kedua • Laporan hari ketiga • Laporan hari keempat	Laporan harian: • Keterangan lanjut tentang segala aktiviti yang dijalankan sepanjang hari, untuk setiap hari perkhemahan • Tidak ada pelaporan yang berasingan untuk topik yang dinyatakan dalam borang penilaian. Laporan aktiviti diselitkan dalam laporan harian. Contoh: ✧ Sekiranya permainan luas dijalankan pada hari kedua, laporan harian kedua akan merangkumi laporan permainan luas. ✧ Sekiranya Malam Unggun Api dilaksanakan pada hari ketiga, laporan acara itu akan menjadi sebahagian daripada Laporan Harian ketiga Senarai semak Perkara-perkara yang berikut adalah wajib dilaksanakan: • Sudut maklumat (senarai nama ahli kumpulan, senarai tugas, program, peraturan perkhemahan dsb) • Khemah Calon menunjukkan - cara mendirikan, menganginkan khemah; - cara menjaga, memperbaiki khemah;

		- cara menurunkan dan menyimpan khemah • Gejet Calon menentukan jenis gejet yang hendak dibina, memastikan gejet digunakan dengan maksimumnya semasa perkhemahan dan bukan sebagai bahan pameran sahaja • Peralatan - Calon menunjukcara penggunaan dan penjagaan peralatan seperti kapak, gergaji, parang dan cangkul serta cara menyimpan peralatan ini semasa perkhemahan. • Perparitan - secara teori (boleh diterangkan semasa mendirikan khemah) • Permainan luas - Calon merancang dan mengendalikan satu permainan luas (harus diingati bahawa permainan luas adalah berdasarkan satu cerita BUKAN satu permainan stesen. Aktiviti hendaklah relevan dan bertujuan untuk mencapai penyelesaian. - Calon yang memberi arahan / taklimat mengenai permainan luas BUKAN orang lain (atau AJK); - Gunakan sekurang-kurangnya lima kemahiran yang dinyatakan dalam syarat. Kemahiran yang lain boleh dimasukkan ke dalam permainan luas untuk menjadikannya lebih mencabar: - Permainan luas yang disediakan disertakan dalam laporan. - Pelaksanaan permainan luas dilaporkan dalam laporan harian (nyatakan lima kemahiran yang digunakan) • Keselamatan, kebersihan dan kesihatan Calon mengetahui langkah-langkah menjaga keselamatan, kebersihan dan kesihatan dalam perkhemahan; - tapak perkhemahan, khemah-khemah, tempat memasak, hujan, cuaca panas/sejuk dll. • Pemeriksaan pagi (Jom Berkhemah, ms 104)
--	--	---

		- Calon bersama JBM akan menjalankan pemeriksaan pagi setiap kumpulan pekhemah. - Aspek kebersihan kawasan keseluruhan, penganginan khemah, penyusunan gejet dan penyimpanan alatan; pakaian seragam, kesegakan, kekemasan, kerjasama dsb. • Upacara dan istiadat - Calon mengendalikan istiadat menaikkan serta menurunkan bendera serta mengendalikan pembentukan Ladang Kuda/ Formasi V. - Pembacaan doa dan kata-kata hikmat • Malam Pandu Puteri/ Unggun Api - Calon merancang dan mengendalikan sesi ini bersama-sama '<i>campfire leaders</i>', perlu sediakan aturcara (1½ hingga 2 jam), kad jemputan dsb • Mesyuarat Jawatankuasa Perkhemahan (COH) setiap hari (3 hari) Calon mempengerusikan COH COH dihadiri oleh: - Komandan Kem (calon) - Penolong Komandan Kem - Jurubantu Mula - Kuartermaster - Ketua Aktiviti (jika berkaitan) - Ketua Kumpulan Pencatat dilantik dalam kalangan ketua kumpulan. Minit COH mengikut format rasmi Minit COH pertama dilampirkan pada akhir Laporan Hari Pertama dan begitu juga untuk minit COH 2 (pada akhir Laporan Harian kedua) dan COH 3 (pada akhir Laporan Harian ketiga) Ditandatangani oleh pencatat, disemak dan disahkan oleh Komandan Kem • penilaian pekhemah
--	--	--

		- Calon menyediakan borang penilaian dan mengendalikan sesi penilaian. • Majlis Penutup - Calon mengendalikan istiadat Ladang Kuda / Formasi V dan istiadat menurunkan bendera. Menerima bendera perkhemahan sebagai tanda tamat perkhemahan
LAPORAN SELEPAS		
	(i) Laporan Kewangan (ii) Penilaian pekhemah	• Penyata Akaun menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan sebenar. • Sertakan resit/baucer • Perlu dinyatakan tindakan yang diambil sekiranya terdapat baki wang. • Analisis penilaian pekhemah (rumusan keseluruhan digalakkan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan perkhemahan yang telah dijalankan) • Ucapan terima kasih / penghargaan kepada pihak yang berkaitan
LAMPIRAN		
	(Senaraikan lampiran)	1. Surat kelulusan JPN 2. Sijil penyertaan Perkhemahan sebagai Komandan Kem 3. Buku Program Perkhemahan 4. Borang kebenaran ibu bapa (semua pekhemah) 5. Surat borang indemniti 6. Surat kepada polis 7. Surat kepada doktor bertugas/ klinik/ hospital 8. Surat kepada penceramah/ fasilitator/ pihak tertentu 9. Dokumen lain yang difikirkan perlu 10. Nota (sekiranya ada) Jangan sertakan nota dalam laporan harian.

Refleksi

- Apakah pengajaran/pengalaman yang diperoleh semasa menjalani ujian?
- Apakah kekuatan anda? (pengetahuan/pengalaman/kemahiran sedia ada)

- Apakah kelemahan anda? (cabaran/ kekangan/ masalah yang dihadapi)
- Bagaimanakah anda menambahbaikkan kelemahan sekiranya ada?

Refleksi bukan untuk memberi ringkasan ujian yang dijalankan atau merakamkan penghargaan dan terima kasih.

Dengan ini disahkan bahawa

.....

telah lulus Ujian Lesen Perkhemahan.

Komen Penguji

Penguji :
(tandatangan dan nama)

Jawatan:

Tarikh :.....

